

14 SEP 2001

Mahathir-Keganasan

PEMIMPIN DUNIA PERLU DUDUK BERSAMA BINCANG MASALAH KEGANASAN

KUALA LUMPUR, 14 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata para pemimpin masyarakat dunia perlu duduk bersama dan berbincang bagi menangani masalah keganasan yang semakin banyak berlaku dan yang terbaru ialah serangan ke atas Amerika Syarikat.

Perdana Menteri berkata para pemimpin dunia perlu melihat tindakan keganasan yang berlaku itu sebagai satu jenayah keganasan yang perlu ditangani bersama di seluruh dunia.

Semua pihak tidak boleh memihak kepada mana-mana pihak, kata Dr Mahathir kepada pemberita selepas menandatangani buku takziah di Kedutaan Amerika Syarikat, di Jalan Tun Razak di sini hari ini.

"Negara-negara Islam tidak boleh memihak kepada negara-negara Islam, begitu juga negara-negara bukan Islam tidak boleh memihak kepada mana-mana negara bukan Islam dan siapa rakan atau kawan masing-masing.

"Kita perlu lihat tindakan keganasan itu sebagai satu jenayah yang perlu ditangani bersama di seluruh dunia," katanya.

Perdana Menteri berkata jika dibiarkan berlaku ia akan disusuli dengan tindak balas dan kemudian tindak balas lagi.

Katanya, beliau tidak bersetuju dengan cara yang ganas seperti itu untuk menyelesaikan masalah.

Beliau berkata satu jalan perlu dicari bagi menyelesaikan asas-asas kepada kejadian seumpama itu.

Oleh itu semua negara di dunia perlu duduk bersama untuk membincangkan perkara itu dengan serius, kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata: "Kita akan berbuat apa sahaja yang boleh untuk menghentikan pelampauan seperti itu. Kita perlu ingat yang kita juga ada rakyat kita di Pusat Dagangan Dunia yang masih dilaporkan hilang."

Mengenai langkah-langkah keselamatan di negara, beliau berkata negara akan diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga kerana tiada tempoh untuk keganasan berakhir.

Mengenai tindakan anti Islam yang meningkat di Amerika Syarikat selepas kejadian itu, beliau berkata: "Itu tindakan semulajadi. Saya harap ia dapat ditangani secepat mungkin kerana ia sesuatu yang tidak baik.

"Tetapi orang ramai pada waktu ini tidak dapat mengawal emosi mereka."

Pengerusi kebangsaan DAP Lim Kit Siang berkata Amerika Syarikat tidak sepatutnya terikut dengan kegilaan pembunuhan besar-besaran di New York dan Washington dengan melancarkan balas dendam dan kekejaman serupa.

Beliau berkata tindakan sebegitu hanya akan merenggangkan hubungan antarabangsa dan membawa kepada peperangan antara penganas kuasa nuklear dan penganas penyerang berani mati, yang hanya akan mengakibatkan ramai rakyat biasa akan menjadi mangsa.

"Sementara masyarakat antarabangsa perlu bertindak sebagai satu pasukan untuk menghapuskan apa juga bentuk keganasan, juga sudah tiba pada masanya bagi dunia, terutamanya, pentadbiran Amerika Syarikat, untuk mencari punca akan perbuatan keganasan seumpama itu serta menyelesaikan dan menyingkirkan konflik yang telah menyemarakkan kebencian itu, yang telah mewujudkan penyerang berani mati, terutamanya ketidakadilan yang sejak sekian lama di Asia Barat," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

-- BERNAMA

AFY AHH RHM